

# LEX READ

NOVEMBER 2023

Transgender  
Women  
In Sports

PM DR.  
NIK SALIDA

MENULIS



Equal Treatment or  
Equal Outcomes?



JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462



# Merungkai Isu Hadhanah: Pemerhatian Prosedur Pelaksanaan Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan

Oleh: Amylia Fuziana Azmi (amyli2597@uitm.edu.my)  
& Ruzita Ramli



## PENDAHULUAN

Secara umumnya, isu *hadhanah* adalah merupakan isu tipikal yang tercetus apabila berlakunya perceraian antara pasangan suami dan isteri. *Hadhanah* juga merupakan isu yang sering menjadi topik utama perbincangan di kalangan ahli akademik dan pengamal undang-undang. Namun, sejauh manakah kefahaman masyarakat di negara kita mengenai kepentingan hak penjagaan kanak-kanak dan implikasinya terhadap kehidupan kanak-kanak itu sendiri? Justeru, artikel ini akan merungkai isu *hadhanah* dari aspek pemerhatian prosedur pelaksanaan kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan.

## DEFINISI & HUKUM SYARAK

Bagi pendefinisian *hadhanah*, tiada tafsiran khusus diberi oleh undang-undang berhubung istilah *hadhanah* atau penjagaan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, istilah *hadhanah* (custody) mempunyai perbezaan dengan istilah penjagaan (guardianship / kafalah / wilayah) (Mawardi & Ahmad Husaini, 2021).

Dalam kes yang pernah diputuskan contohnya ***Mohd Suhaimi Omar lwn Mahani Amar @ Omar, JH (Jld 45) Bhg 2, 2017***, hakim mendefinisikan hak jagaan kanak-kanak atau dikenali sebagai *hadhanah* mengikut hukum syarak seperti berikut;



Menurut hukum sebagaimana dinyatakan oleh Mustofa (2003) dalam kitabnya 'al-Fiqh al-Manhaji' menyebut bahawa:

"*Hadhanah* dari segi istilah syarak ialah menjaga seseorang yang tidak dapat menguruskan dirinya dan mendidiknya dengan pelbagai kaedah yang mendatangkan kebaikan kepadanya sesuai dengan perkembangannya. Bagi kanak-kanak kecil *hadhanahnya* berakhir sehingga mencapai umur *mumayyiz*. Menjaga dan mendidik kanak-kanak selepas umur *mumayyiz* sehingga mencapai umur *baligh*, tidak dinamakan *hadhanah* tetapi dinamakan *kafalah*".

Justeru, jelaslah di sini bahawa tujuan *hadhanah* pada peringkat awal adalah untuk memberi keutamaan kepada kebajikan anak itu sendiri. Ia dinyatakan dalam 'Al-Fiqh Al Muqarran Lil Ahqal Shahiyyah' yang menekankan keutamaan tentang kebajikan anak itu.

Jika dilihat dalam satu penghakiman kes ***Mohd Radhi bin Haji Che Daud lwn Khadijah binti Yaacob, [2004] JH 17 (1) 19*** turut menyatakan tujuan *hadhanah* atau penjagaan kanak-kanak adalah untuk masalah dan kebajikan kanak-kanak, bukan masalah pihak lain.

Kajian yang dilakukan oleh Prihatini et al. (2019) menjelaskan bahawa penentuan hak *hadhanah* ini sangat penting kerana ia mampu mempengaruhi perkembangan kesihatan mental kanak-kanak seperti tekanan perasaan, kemurungan dan sebagainya. Merungkai persoalan ini, adakah negara kita mempunyai peruntukan bagi menyelesaikan isu *hadhanah* ini?.

Sekiranya ada, adakah ianya mencukupi? Secara amalnya, semua kes *hadhanah* akan dirujuk ke satu proses yang dinamakan sebagai *Majlis Sulh*. Sehubungan dengan itu, peruntukan undang-undang mengenai isu berkaitan *hadhanah* ini selain boleh dirujuk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri, ia turut terikat dengan Arahan Amalan, Manual Kerja *Sulh* dan Kaedah-Kaedah *Sulh* masing-masing.

## PROSEDUR PELAKSANAAN KES *HADHANAH*

Dari sudut undang-undang, **seksyen 61(3)(b) (iii)** Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (EPAINS) 2003 memperuntukkan bidang kuasa mengenai penjagaan atau jagaan *hadhanah* budak-budak adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

Dalam bahagian VII, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) (EUUKINS) 2003, contohnya *hadhanah* dan penjagaan kanak-kanak dinyatakan dalam **seksyen 82** hingga **seksyen 88**. Seterusnya penjagaan ke atas orang dan harta dari **seksyen 89** hingga **seksyen 105**. Terdapat 2 asas tuntutan di Mahkamah Tinggi Syariah iaitu:

- (i) *Hadhanah* / penjagaan kanak-kanak;
- (j) Interim *hadhanah* (hak jagaan sementara kanak-kanak).



Namun di peringkat *sulh*, penulis menemui sedikit perbezaan iaitu 2 tuntutan yang terlibat adalah *hadhanah* dan ubah perintah *hadhanah*. Panduan proses *sulh* bagi kes *hadhanah* di Mahkamah Syariah adalah merujuk kepada Kaedah-Kaedah *Sulh* Negeri-Negeri bagi tujuan pelaksanaan yang seragam.

Penulis mendapati, Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Negeri Sembilan 2016, menampilkan pembaharuan dan sedikit kelainan dari sudut tempoh pengendalian Majlis *Sulh*. Tempoh 60 hari ditetapkan bermula kes didaftarkan berbanding dikebanyakan negeri lain masih menetapkan tempoh 90 hari atau 3 bulan.

Selain Kaedah Tatacara Mal *Sulh*, kes *hadhanah* turut dipandu melalui Arahan Amalan (Mohd Nadzri, 2020). Isu *hadhanah* adalah antara isu yang sentiasa hangat dan bercampur baur antara peraturan dan emosi antara pihak-pihak yang terlibat. Selain mengharapkan kewibawaan hakim syarie yang membuat keputusan dengan penuh hikmah, pengetahuan dan pengalaman hakim syarie adalah sangat diperlukan.



Justeru, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) terus menambahbaik proses kerja dengan menyediakan Arahan Amalan berkaitan prosiding *hadhanah* dan yang memerlukan kesegeraan (Mohd Na'im, 2020; Ruzita et al., 2021). Beberapa Arahan Amalan telah dikeluarkan menyentuh prosiding *hadhanah*, iaitu:

ARAHAN AMALAN	TAJUK
NO 2/2002	Kes <i>hadhanah</i> , harta sepencarian dan <i>ex parte</i>
NO 15/2007	Alasan Yang Menyebabkan Hak Jagaan Seseorang Bapa Atau Pihak Sebelah Lelaki Hilang Kelayakan
NO 5/2016	Garis Panduan Prosiding <i>Ex-parte Hadhanah</i> Dan Injeksi
NO 3/2008	Permohonan Pengubahan Perintah <i>Hadhanah</i> Mahkamah Rendah

Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia





## CADANGAN DAN KESIMPULAN

Rata-rata masyarakat pada hari ini menyedari akan kepentingan hak-hak yang wujud setelah berlakunya perceraian. Namun, ramai yang masih belum cakna akan kepentingan dalam menguruskan *hadhanah* dengan cara yang berhemah.

Ringkasnya, dalam mengendalikan kes *hadhanah*, selain persetujuan bersama pihak-pihak terhadap hak jagaan, ia perlu seimbang dengan keperluan **seksyen 85(2)** - pilihan kanak-kanak yang telah *mumayyiz* dan **seksyen 86** - berkaitan anak tidak sah taraf EUUKINS 2003.

Menerusi Arahan Amalan ini, ia mampu menyeragamkan pentadbiran dan berperanan sebagai panduan berkaitan hal ehwal *hadhanah*.

Secara tidak langsung, Arahan Amalan ini juga memudahkan para pelaksana dan pengamal undang-undang untuk membuat rujukan serta memudahkan proses orang ramai yang berurusan dengan pihak Mahkamah Syariah walaupun berlainan negeri (Ruzita et al., 2021).

Ini bagi memastikan persetujuan pihak-pihak dalam *Majlis Sulh* selari dengan kehendak hukum syarak dan undang-undang.

Mendepani isu *hadhanah* ini, penulis berpendapat bahawa peruntukan sedia ada ini wajar dimanfaatkan dan disertakan panduan kepada Pegawai *Sulh* bagi memudahkan pelaksanaannya dan diberi penjelasan siapakah pihak yang berhak untuk mendapat hak jagaan *hadhanah* menurut Islam.

Sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas berlakunya perceraian, ibu ialah orang yang paling berhak daripada orang lain bagi menjaga anak kecilnya sehingga anak kecil itu mencapai umur *mumayyiz* (kecerdikan).

Penulis berpendapat bahawa penentuan pihak yang layak mendapat hak *hadhanah* perlu dilakukan dengan penuh teliti dan berhemah kerana ia melibatkan emosi, kasih sayang dan kerjasama dari orang dewasa yang turut terlibat sama dalam siri penjagaan terhadap anak ini sama ada secara langsung mahupun sebaliknya.

Penambahbaikan pelaksanaan kes *hadhanah* menyaksikan kemahiran dan pengetahuan sedia ada perlu direkayasa (*reengineering*), sesuai dengan keadaan pandemik dan suasana kerja norma baharu agar peranan Mahkamah Syariah terus kekal relevan menghasilkan penyelesaian kes *hadhanah* secara damai, tanpa perlu mengambil masa yang lama dan dapat mengelakkan kos perbelanjaan yang tinggi.

Selain itu, penulis berpendapat bahawa pengurusan *hadhanah* yang berhemah amat wajar diberi keutamaan dalam memperkasakan hubungan pihak-pihak yang terlibat bagi meneruskan kehidupan selepas melewati fasa perceraian.

Sesungguhnya hikmah pandemik memperlihatkan institusi kehakiman untuk bekerja dengan lebih kuat dan pemegang taruh sentiasa memikirkan untuk menawarkan perkhidmatan terbaik selari dengan apa jua situasi yang melanda.



## RUJUKAN

Mawardi Che Man, & Ahmad Husaini Othman. (2021). Anggaran Undang-Undang Dalam Kes Hadhanah. *International Conference on Family Law*, 7(5), 341-342. <https://doi.org/10.1080/00379818409514249>

Mohd Nadzri bin Abdul Rahman Ibrahim. (2020). *Pemakaian Arahan Amalan Di Mahkamah Syariah. Selangor: Kedepan Enterprise.*

Mohd Na'im bin Mokhtar. (2020). *Ucapan sewaktu mempengerusikan Mesyuarat Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN)/Mahkamah Syariah Negeri (MSN), pada 4 Oktober 2020 di Hotel Jen Puteri Harbour Johor Bahru.*

Mustofa Al-Khin. (2003). *Kitab ' al Fiqh al-Manhaji .'*



Prihatini, F., Munthe, A.K., Pusparani, D.S. & Sumihar, A. (2019). *The Problem of the Execution of Child Custody (Hadanah) Decision By The Religious Courts in Indonesia*, Jurnal Syariah, Jil. 27, Bil 2 (2019)

Ruzita Ramli, Dina Imam Supaat, & Hasnizam Hashim. (2021). *Arahan Amalan Sulh Kes Hadhanah Dan Nafkah Anak Di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan: Cabaran Dan Prospek*. International Conference of Family Law, Family Justice and Maqasid Al Shariah.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Manual Kerja Sulh.

Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Negeri Sembilan 2016.

Arahan Amalan JKSM.

